

Kerana sikap jurutera tempatan

# Teknologi tak dapat dikuasai

BM

3 NOV 1985

**BANGI, Sabtu** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak dapat menguasai teknologi baru kerana adanya sikap di kalangan jurutera tempatan yang hanya menunggu teknologi asing diserahkan bulat-bulat kepada mereka.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa teknologi adalah suatu bidang yang harus dikejar dan rakyat negara ini tidak boleh menganggap proses penyerahan teknologi adalah tanggungjawab orang lain kepada mereka.

Kerana itulah, katanya, walaupun negara sudah lama mengeluarkan barang-barang pengguna seperti sabun, jeans, radio dan alat mengira kecil, rakyat Malaysia hanya tahu tidak lebih daripada memasang komponen sahaja.

“Kita tidak henti-henti mendengar keengganan orang asing memindah teknologi kepada kita. Tetapi kita tahu banyak negara membangun yang sudah mendapat taraf negara perindustrian baru, berjaya menguasai teknologi baru.

“Kenapa mereka boleh, tetapi kita tidak boleh, sedangkan punca teknologi adalah

sama? Jawabnya ialah kita menunggu ia diserahkan bulat-bulat dan tidak mahu menjajarnya,” jelas Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir juga membidas sikap kebanyakan jurutera tempatan kerana lebih suka menjadi pentadbir serta memegang pangkat tinggi daripada mencipta sesuatu yang diminati masyarakat.

Ketika melancarkan Loji Rintis Diesel Minyak Kelapa Sawit dan Projek Enjin Elko di sini, beliau berkata, malah setengah-setengah jurutera tempatan tidak tahu meneliti dan mengkaji ‘circuit board’ bagi mengeluarkan sendiri radio dan mesin pengira.

“Sebaliknya, jurutera Korea, Jepun dan Taiwan faham apabila melihat ‘circuit board’ dan lain-lain. Berdasarkan itu, menerusi ‘reverse-engineering’, mereka meniru dan kemudian mereka bentuk barangan mereka sendiri,” tambahnya.

Oleh itu, Datuk Seri Dr Mahathir meminta semua pihak, terutama agensi-agensy penyelidikan dan pembangunan di sektor awam dan swasta, memberi lebih tumpuan untuk mencipta teknologi baru supaya negara memperoleh seberapa banyak faedah daripada bahan mentah tempatan.

Beliau berkata, kegiatan penyelidikan dan pembangunan adalah penting jika negara mahu mengelak pembaziran dan menggunakan sepenuhnya bahan tempatan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, satu kajian perlu dijalankan supaya peruntukan bagi kegiatan penyelidikan dan pembangunan dipertingkatkan.